

09 SEP 2003

BAJET-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR BENTANG BAJET 2004 PADA 4 PETANG JUMAAT, 12 SEPT

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga menteri kewangan, akan membentangkan Bajet 2004 di Parlimen pada 4.00 petang, 12 Sept. ini.

Menurut Kementerian Kewangan dalam kenyataannya di sini hari ini, pembentangan belanjawan Jumaat ini itu akan disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen RTM, TV3, ntv7 dan Astro, serta di laman web Perbendaharaan di <http://www.treasury.gov.my>.

Salinan ucapan Bajet 2004 akan diedarkan kepada awam selepas 5.00 petang di Tingkat Bawah, Blok Utama Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

Laporan Ekonomi 2003/2004 pula boleh didapati di Perbendaharaan, Kompleks Kementerian Kewangan, Precint 2, Putrajaya, di Parlimen dan di Percetakan Nasional Bhd, Jalan Chan Sow Lin Kuala Lumpur, pada harga RM65 sebuah.

Penjualan Laporan Ekonomi akan bermula jam 5.00 pada hari belanjawan.

Butiran lanjut tentang Laporan Ekonomi 2003/2004 boleh didapati dengan menghubungi Percetakan Nasional Malaysia Bhd pada talian telefon 03-9221 2022.

-- BERNAMA

WNZ SD JR